

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT PM 22(5)  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah-sekolah SK, SJKC, dan SJKT (berstatus sekolah Kerajaan dan sekolah bantuan Kerajaan) yang telah menerima peruntukan penyelenggaraan daripada Kerajaan pada tahun ini dengan menyatakan jumlah yang telah diterima oleh setiap jenis sekolah ini. Apakah kesemua peruntukan ini telah disalurkan atau sebaliknya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat dan kondusif untuk kegunaan murid dan warga sekolah. Dalam hal ini, KPM telah menyediakan peruntukan bagi tujuan penyelenggaraan untuk Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Peruntukan untuk tujuan penyelenggaraan akan disalurkan berdasarkan kepada permohonan dan susunan keutamaan mengikut tahap kerosakan yang perlu dibaiki. Bagi SK, peruntukan disalurkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan. Bagi SBK pula, peruntukan disalurkan ke secara terus ke Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) tertakluk kepada permohonan dan garis panduan yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 November 2021, KPM telah membelanjakan peruntukan penyelenggaraan untuk tujuan pembaikan kerosakan di sekolah seperti berikut:

- i. RM467 juta untuk penyelenggaraan bagi 6,806 sekolah kebangsaan;
- ii. RM11 juta untuk penyelenggaraan bagi 133 SJKC berstatus Sekolah Kerajaan;
- iii. RM49 juta untuk penyelenggaraan bagi 866 SJKC berstatus SBK;
- iv. RM2 juta untuk penyelenggaraan bagi 51 SJKT berstatus Sekolah Kerajaan; dan
- v. RM20 juta untuk penyelenggaraan bagi 305 SJKT berstatus SBK.